

NO. SEBUT HARGA : **P0013/24**NO. FAIL : **F8/6/8/24**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Kementerian atau Jabatan:
Majlis Bandaraya Ipoh
Jalan Sultan Abdul Jalil
Greentown, 30450 Ipoh, Perak

**CADANGAN PELUPUSAN KENDERAAN MILIK MAJLIS BANDARAYA IPOH –
(NISSAN PKD211N AES4533 / MBI 388)**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang masih sah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dengan Kod Bidang/ Kelayakan **221902 (MEMBELI BARANG LUSUH PERLU PERMIT)** yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:-

BIL.	NO SEBUTHARGA	KETERANGAN ASET	NO. FAIL / NO SEBUT HARGA	NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN	KUANTITI	HARGA SIMPANAN
1.	P0013/24	NISSAN PKD211N	F8/6/8/24	AES4533 / MBI 388	1	RM26,500.00

2. Aset boleh dilihat pada **27 NOVEMBER 2024 (RABU)** hingga **10 DISEMBER 2024 (SELASA)** di antara jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi (hari bekerja) di Bahagian Mekanikal MBI, Jalan Sungai Pari, Buntong, 30100 Ipoh. Pegawai yang boleh dihubungi, Encik Muhamad Afiq Azizi Bin Khairul Anuar (011-11357523) dan Puan Aisyah binti Hamidon (017-4242189). Lawatan tapak adalah digalakkan.
3. Sebut harga adalah **TERBUKA KEPADA SYARIKAT YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dengan Kod Bidang/ Kelayakan **221902 (MEMBELI BARANG LUSUH PERLU PERMIT)**.
4. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen sebutharga [Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28)] dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan dibukukan/ didokumentasikan. Bayaran pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. **Proses pembelian dokumen sebut harga dan memuat turun dokumen akan ditutup pada 10 DISEMBER 2024 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH MALAM. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN, SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN.**
5. Borang sebut harga dijual mulai **27 NOVEMBER 2024 (RABU)** hingga **10 DISEMBER 2024 (SELASA)** jam 12.00 tengah malam dengan harga jualan **RM80.00** setiap satu. Tarikh tutup sebut harga adalah pada **11 DISEMBER 2024 (RABU)** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
6. Dokumen sebut harga hanya dijual kepada syarikat dengan **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia** serta masih sah lakunya, **60 hari** dari tarikh mula iklan.
7. Penyebut harga mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (Cukai taksiran/ kompaun/ sewaan/ semak-samun/ pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya penyebut harga mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**
8. Semua dokumen sebut harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor sebut harga berkenaan di penjurong kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Tingkat 1, Unit Perolehan, Majlis Bandaraya Ipoh.**
9. Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Sebut Harga setelah Peti Tender/Sebut Harga dibuka.
10. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.



SURIANI BINTI ISMAIL
PENGARAH UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH



MOHD SHAHRIN BIN NORDIN
JURUUKUR BAHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH

TARIKH : 27 November 2024

COP:



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM 5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk *Kiriman Wang* atau Draf Bank sahaja atas nama **MAJLIS BANDARAYA IPOH**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan dan ditolak.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaan semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual
6. Semua perbelanjaan berkaitan aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya dipohon untuk membuat pembayaran penuh serta mengambil aset dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan Surat Setuju Terima. Jika gagal dalam tempoh tersebut, deposit/bayaran penuh sebut harga tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
8. Bagi penyebut harga yang tidak berjaya, wang deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperolehi dan tuntutan boleh dibuat di Bahagian Bengkel & Pengangkutan MBI, Jalan Sungai Pari, Buntong, 30100 Ipoh.
9. Semua logo dan tanda jabatan (sekiranya ada) pada aset mestilah dipadamkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh aset itu diambil oleh pembeli.

Nota : Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan